A

Pendakwa Raya lwn Mohan Dass a/l Ganesan

MAHKAMAH TINGGI (TEMERLOH) — PERBICARAAN JENAYAH NO 45–5 TAHUN 2003

B ABD HALIM AMAN PK

28 DECEMBER 2006

C *Undang-Undang Jenayah — Kanun Keseksaan — s 302 — Pergaduhan di antara dua kumpulan — Tertuduh menetak si mati dengan parang — Sama ada wujud satu perbuatan provokasi — Sama ada wujud elemen mens rea di pihak tertuduh*

D Tertuduh dituduh di bawah s 302 Kanun Keseksaan. SP2 bersama-sama rakannya iaitu SP4 telah bertembung dengan tertuduh. Tertuduh dikatakan telah mengeluarkan kata-kata lucah dan menghina ibu SP2 sehingga menyebabkan berlakunya pergelutan di antara mereka dan akibatnya SP2 mengalami kecederaan. SP2 telah menelefon abangnya iaitu si mati dan mengadu akan perbuatan tertuduh. Tidak lama kemudian, si mati dan enam orang rakannya telah pergi mencari

E tertuduh dan menjumpai tertuduh serta lapan orang rakannya di situ bermulalah pergaduhan di antara kedua-dua kumpulan yang mana semasa pergaduhan sedang berlaku si mati dikatakan telah terkena tetakan dari tertuduh di sebelah kanan leher dengan sebilah parang. Berdasarkan kepada keterangan saksi pendakwa iaitu keterangan oleh SP2 yang mana keterangan ini telah turut disokong oleh keterangan dari SP4 berkenaan dengan bagaimana kejadian tersebut berlaku, adalah jelas bahawa

F perbuatan tertuduh yang dikatakan telah menetak si mati dengan parang terbabit adalah merupakan suatu perbuatan yang terjadi 'on the spur of the moment' atau tanpa dirancang.

G **Diputuskan**:

(1) Beban atau tahap pembuktian oleh pihak pendakwaan hendaklah dipertimbangkan dengan mengguna pakai prinsip 'maximum evaluation'. Persoalannya, sama ada di peringkat ini pihak pendakwaan telah berjaya

H melaksanakan tugasnya di dalam membuktikan suatu kes yang prima facie wujud di akhir kes pendakwaan ini bagi membolehkan pembelaan dipanggil terhadap tertuduh (lihat perenggan 13).

(2) Meneliti kepada keterangan saksi-saksi pendakwaan, adalah jelas bahawa semasa pergaduhan berlaku di antara tertuduh dan si mati, si mati sendiri

I bersenjatakan sebatang pangkal 'joss-stick' sepanjang dua kaki yang telah diambil dari tokong cina. Di samping itu, faktor bahawa si mati berserta enam orang rakan-rakannya yang lain termasuk SP2 dan SP4 pergi mencari tertuduh dan rakan-rakannya juga memperlihatkan wujudnya satu perbuatan provokasi yang perlu diambil kira oleh mahkamah di dalam mencapai keputusan di akhir kes pendakwaan ini (lihat perenggan 21–22).

(3) Patah perkataan di bawah s 302 Kanun Keseksaan mensyaratkan perkataan 'Mens Rea' perlu dibuktikan dengan sepenuhnya, iaitu tertuduh mesti dibuktikan mempunyai niat dari asalnya untuk membunuh si mati. Kesalahan tersebut tidak wajar disabitkan seandainya ianya terjadi hasil dari kecuaian, tindakan merbahaya, ataupun hanya mempunyai pengetahuan. Niat itu mesti wujud secara 'direct' dan perlu dibuktikan secara 'beyond reasonable doubt'. Dari apa yang dapat disimpulkan dari keterangan saksi-saksi, sukar untuk dibuktikan akan wujudnya elemen mens rea di pihak tertuduh ini (lihat perenggan 25).

(4) Mahkamah dengan ini memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan wujud satu kes 'prima facie' terhadap tertuduh bagi satu pertuduhan di bawah s 302 Kanun Keseksaan seperti mana pertuduhan. Namun mahkamah memutuskan bahawa suatu kes yang 'prima facie' terhadap tertuduh bagi suatu pertuduhan di bawah s 304(a) Kanun Keseksaan berjaya dibuktikan oleh pendakwaraya. Oleh yang demikian, mahkamah dengan ini memerintahkan tuduhan terhadap tertuduh dipinda dan pihak tertuduh telah mengaku salah di atas pertuduhan pindaan itu (lihat perenggan 32, 34).

[English summary

The accused was charged under s 302 of the Penal Code. SP2 was with his friend SP4 when they met the accused. The accused was alleged to have used vulgar language and made abusive remarks about SP2's mother until it caused a struggle between them and as a result SP2 was injured. SP2 then telephoned his brother, the deceased and complained to him regarding the accused's conduct. Later, the deceased and six of his friends went in search of the accused and found the accused with eight of his friends and a fight ensued between the two groups where during the fight the deceased was said to have his right neck hacked with a parang by the accused. Based on the evidence of the witnesses for the prosecution, ie the evidence of SP2 which was supported by the evidence of SP4 on how the incident happened, it is clear that the accused's action in hacking the deceased with a parang is an act that happened without intent.

Held:

(1) The burden and standard of proof by the prosecution should be considered by using the principle of 'maximum evaluation'. The question is whether at this stage the prosecution had successfully carried out its duties in making out a prima facie case at the end of the prosecution case in order for the defence to be called (see para 13).

(2) In examining the evidence of the prosecution witnesses, it is clear that during the fight between the accused and the deceased, the deceased himself was armed with a 'joss stick' two feet in length which was taken from a Chinese temple. Besides that, the fact that the deceased together with six of his friends including SP2 and SP4 went in search of the accused and his friends suggest the existence of provocation which must be considered by the court in reaching a decision at the end of the prosecution's case (see paras 21–22).

(3) The words in s 302 of the Penal Code stipulates the words mens rea to be proved fully, ie, the accused must be proven to have an intention in the beginning to kill the deceased. One should not just be convicted as a result of negligence, dangerous action, or just by having knowledge. There must be direct intention and need to be proven beyond reasonable doubt. From what was gathered from the witnesses' evidence, it is difficult to prove the existence of means rea on the part of the accused (see para 25).

(4) The court therefore held that the prosecution had failed to prove a prima facie case against the accused on a charge under s 302 of the Penal Code. However the court held that there was a prima facie case against the accused for a charge under s 304(a) of the Penal Code successfully proven by the prosecution. Therefore the court ordered that the charge against the accused be amended and the accused had pleaded guilty to the said amended charge (see paras 32, 34).]

Nota-nota

Untuk kes-kes s 302 Kanun Keseksaan, lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2002 Reissue) perenggan 1424–1477.

Kes-kes yang dirujuk

Chandarasekara (alias Alisandiri) v R [1936] 3 All 865 (dirujuk)
Looi Kow Chai & Anor v PP [2003] 2 MLJ 65 (diikut)
PP v Mohd Radzi Abu Bakar [2005] 6 MLJ 393 (diikut)
PP v Ong Cheng Heong [1998] 6 MLJ 678 (dirujuk)
PP v Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (No 3) [1999] 2 MLJ 1 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kanun Acara Jenayah s 180(1)
Kanun Keseksaan ss 300(d), 302, 304(a)

Amy Ling Huoy Yi (Timbalan Pendakwa Raya) bagi pihak pendakwaan.
Richard Bong (Richard Bong & Co) bagi pihak tertuduh.

Abd Halim Aman PK:

PENDAHULUAN

[1] Tertuduh di dalam kes ini, Mohan Dass a/l Ganesan telah dituduh di Mahkamah Tinggi Temerloh pada 12 September 2003 di atas suatu pertuduhan yang berbunyi seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 26 November 2002 jam lebih kurang 9.15 malam, di Gelanggang Bola Keranjang Taman Raya, Triang, di dalam Daerah Bera di Negeri Pahang, telah melakukan kesalahan bunuh iaitu dengan menyebabkan kematian terhadap Shanmuganathan a/l Madhavan, KPT: 830836–06–5947, oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 302 Kanun Keseksaan.

[2] Perbicaraan kes ini hanya dapat dimulakan pada tarikh 22 Februari 2006 memandangkan di dalam beberapa kali prosiding, pihak pembelaan telah mengemukakan cubaan untuk membuat representasi ke pihak Jabatan Peguam Negara untuk dipinda tuduhan.

[3] Bagi membuktikan kes mereka, pihak Timbalan Pendakwa Raya telah mengemukakan seramai tiga belas orang saksi kesemuanya.

[4] Mereka adalah Koperal Mohd Ali bin Abu Bakar, anggota polis penerima maklumat pertama (SP1); Veslidevan a/l Madharan, adik lelaki si mati (SP2); Murugan a/l Batumalai, rakan si mati (SP3); Murugam a/l Sirambaran (SP4); Sakhti Tharam a/l Mutukrishnan, rakan tertuduh (SP5); Konstabel Mohd Zamidi bin Mohd Noor, jurugambar polis (SP6); Lans Koperal Adnan bin Mohd, anggota penjaga barang kes (SP7); Kopral Zulkifli bin Hashim, anggota penjaga barang kes yang mengambil alih tugas dari SP7 (SP8); Encik Khairul Hadi bin Haji Abd Raof, Pegawai Kimia (SP9); Dr Zahari bin Noor, pakar forensik (SP10); Cif Inspektor Abd Azis bin Hj Samat, Pegawai Penyiasat kes (SP11); Dr Yew Kwan Leong, Pegawai Perubatan Klinik Kesihatan Triang (SP12) dan Detektif Sarjan Tamil Selvam a/l Munusamy, anggota yang melakukan tangkapan (SP13).

FAKTA KES

[5] Berdasarkan kepada keterangan saksi-saksi pendakwaan, fakta kes dapat digarap sepertimana yang disampaikan oleh Timbalan Pendakwa Raya semasa menyampaikan ucapan pembukaan kes. Pada tarikh 26 November 2002, jam lebih kurang 8.30 malam, SP2 bersama-sama rakannya iaitu SP4 telah pergi ke Kedai Ah Moh. Di sana, mereka telah bertembung dengan tertuduh, Mohan Dass yang juga dikenali dengan nama 'Pasar' bersama rakan-rakannya. Tertuduh dikatakan telah mengeluarkan kata-kata lucah dan menghina ibu SP2 sehingga menyebabkan berlakunya pergelutan di antara mereka dan akibatnya SP2 mengalami kecederaan. Setelah berlalu dari kedai tersebut dan tiba di sebuah Tokong Cina, iaitu di Jalan Seraya, SP2 telah menelefon abangnya iaitu si mati dan mengadu akan perbuatan tertuduh. Tidak lama kemudian, si mati dan enam orang rakannya telah tiba di Tokong Cina terbabit dan mereka terus pergi mencari 'Pasar' di kedai Ah Moh tetapi gagal ditemui. Tidak lama kemudian, si mati dan kumpulannya itu telah menjumpai tertuduh serta lapan orang rakannya di gelanggang bola keranjang Taman Raya dan di situ bermulalah pergaduhan di antara kedua-dua kumpulan yang mana semasa pergaduhan sedang berlaku si mati dikatakan telah terkena tetakan dari tertuduh di sebelah kanan leher dengan sebilah parang. SP2 dan rakannya iaitu SP4 telah membawa si mati dengan menunggang motorsikal ke Klinik Kesihatan Triang untuk mendapatkan rawatan dan sebaik sahaja tiba, si mati telah disahkan meninggal dunia oleh SP12. Hasil bedah siasat yang dijalankan oleh SP10 dan melalui laporan bedah siasat (P35), didapati bahawa punca kematian si mati adalah disebabkan oleh tetakan tersebut.

BEBAN PEMBUKTIAN

[6] Seksyen 180(1) Kanun Acara Jenayah memperuntukkan bahawa di akhir kes pendakwaan, mahkamah dikehendaki menimbangkan sama ada pihak pendakwaan

telah berjaya membuktikan satu kes prima facie terhadap tertuduh bagi pertuduhan tersebut. Apakah yang dikatakan 'prima facie' itu? Di dalam *Malall's Criminal Procedure* (3rd Ed), definisi prima facie diberikan sebagai berikut:

> A prima facie case is one which is established by sufficient evidence and can only be overthrown by rebutting evidence adduced by the other side. It arises when the evidence in favour of a party is sufficiently strong for the opposing party to be called on to answer. Taken in its totality, the force of the evidence must be such that, if unrebutted, it would be sufficient to induce the court to believe in the existence of facts stated in the charge or to consider its existence so probable that a prudent man ought to act upon the supposition that those facts existed or did happen.

[7] Secara 'lateral interpretation' pula, saya tertarik kepada tafsiran yang diberi oleh YA Hakim Vincent Ng di dalam kes *Public Prosecutor v Ong Cheng Heong* [1998] 6 MLJ 678 di mana dinyatakan di ms 691:

> What then constitutes a prima facie case? Prima facie means on the face of it or at first glance.

Oxford Companion of Law Dictionary memberikan definisi tentang kes prima facie sebagai:

> A case which is sufficient to call for an answer. While prima facie evidence is evidence which is sufficient to established a fact in the absence of any evidence to the contrary, but is not conclusive. It would follow that there should be credible evidence on each and every essential ingredient of the offence. Credible evidence is evidence which has been filtered and which has gone through the process of evaluation. Any evidence which is not safe to be acted upon should be rejected.

[8] Di dalam kes *Looi Kow Chai & Anor v Public Prosecutor* [2003] 2 MLJ 65. Mahkamah Rayuan mengatakan di ms 83:

> A prima facie case arises when the evidence in favour of a party is sufficiently strong for the opposing party to be catted on to answer. The evidence adduced must be such that it can be overthrown only by rebutting evidence by the other side. Taken in its totality, the force of the evidence must be such that, if unrebutted, it is sufficient to induce the court to believe in the existence of the facts stated in the charge as to consider its existence so probable that a prudent man ought to act upon the supposition that those facts existed or did happen. As this exercise cannot be postponed to the end of the trial, a maximum evaluation of the credibility of witnesses must be done at the close of the case for the prosecution before the court rule that a prima facie case has been made out in order to call for defence.

[9] Mahkamah Rayuan di dalam kes yang sama turut memutuskan tentang isu prima facie ini bahawa beban pembuktian prima facie di akhir setiap kes pendakwaan, mahkamah mestilah meneliti akan keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan ke tahap 'maximum evaluation', di mana bagi 'maximum evaluation', kredibiliti saksi-saksi mesti dilakukan secukupnya di akhir kes pendakwaan sebelum mahkamah boleh memutuskan sama ada kes prima facie berjaya dibuktikan bagi membolehkan tertuduh diperintahkan untuk pembelaan. Keduanya, Mahkamah Rayuan di dalam kes itu juga turut memutuskan bahawa pihak pendakwaan tidak

perlu membuktikan kesnya melampaui tahap keraguan yang munasabah (beyond reasonable doubt) di tahap 'intermediate' ini.

[10] Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Public Prosecutor v Mohd Radzi Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393 telah mengesahkan akan keputusan Mahkamah Rayuan berkenaan dengan beban pembuktian ini seperti yang telah diputuskan oleh kes *Loot Kow Chai & Anor* tersebut. Selanjutnya, Mahkamah Persekutuan di dalam kes yang sama telah turut menggariskan beberapa langkah yang perlu diambil oleh hakim bicara di akhir kes pendakwaan:

(i) the close of the prosecution's case, subject the evidence led by the prosecution in its totality to a maximum evaluation. Carefully scrutinized the credibility of each of the prosecution's witnesses. Take into account all reasonable inferences that may be drawn from the evidence. If the evidence admits of two or more inferences, then draw the inference that is most favourable to the accused;

(ii) ask yourself the question: if I now call upon the accused to make his defence and he elects to remain silent am I prepared to convict him of the evidence now before me? If the answer to that question is 'Yes', then aprimafacie case has been made out and the defence should be called. If the answer is 'No' then, a prima facie case has not been made out and the accused should be acquitted;

(iii) after the defence is called, the accused elects to remain silent, then convict;

(iv) after defence is called the accused elects to give evidence, then go through the steps set out in *Mat v Public Prosecutor* [1963] MLJ 263.

[11] Garis panduan ini adalah selari dengan definisi kes prima facie yang telah diberikan di dalam kes *Public Prosecutor v Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (No 3)* [1999] 2 MLJ 1 seperti berikut di ms 63:

> A prima facie case arises when the evidence in favour of a party is sufficiently strong for the opposing party to be called on to answer. The evidence adduced must be such that it can be overthrown only by rebutting evidence by the other side. Taken in its totality, the force of the evidence must be such that, if unrebutted, it is sufficient to induce the court to believe in the existence of the facts stated in the charge or to consider its existence so probable that a prudent man ought to act upon the supposition that those facts existed or did happen. As this exercise cannot be postponed to the end of the trial, a maximum evaluation of the credibility of witnesses must be done at the close of the case for the prosecution before the court can rule that a prima facie case has been made out in order to call for the defence.

[12] Oleh yang demikian, beban atau tahap pembuktian oleh pihak pendakwaan hendaklah dipertimbangkan dengan menggunapakai prinsip 'maximum evaluation' seperti yang diperjelaskan di awal tadi. Persoalannya, sama ada di peringkat ini pihak pendakwaan telah berjaya melaksanakan tugasnya di dalam membuktikan suatu kes yang 'prima facie' ujud di akhir kes pendakwaan ini bagi membolehkan pembelaan dipanggil terhadap tertuduh. Atau adakah pihak pembelaan telah berjaya menimbulkan keraguan di tahap ini bagi menafikan tuduhan itu.

[13] Merujuk kepada *Ratanlal & Dhirajlal's Law of Crimes* (25th Ed) di ms 1325, petikan berikut diperturunkan:

A … murder is an aggravated form of culpable homicide. The two offences involve the killing of a person. They are the offence of culpable homicide and more heinous offence of murder. What distinguishes these two offence is the presence of a special mens rea which consists of four mental attitudes in the presence of any of which the lesser offence becomes greater. These four mental attitudes are mentioned in s 300, IPC as distinguishing murder from culpable homicide. Unless the offence can be said to involve at least one of such mental
B attitude it cannot be murder. Unless the prosecution brings the case within the ambit of any of the four clauses of the definition of 'murder', no further question arises. When the case falls under s 300 of the Code, the stage comes to consider the exceptions enumerated in s 300 since in that case, the offence would still be 'culpable homicide' not amounting to 'murder'.

C

[14] Berdasarkan kepada keterangan saksi pendakwa iaitu keterangan oleh SP2 yang mana keterangan ini telah turut disokong oleh keterangan dari SP4 berkenaan dengan bagaimana kejadian tersebut berlaku, adalah jelas bahawa perbuatan Tertuduh yang dikatakan telah menetak si mati dengan parang terbabit adalah
D merupakan suatu perbuatan yang terjadi 'on the spur of the moment' atau tanpa dirancang.

[15] Menurut saksi, sewaktu kedua-dua kumpulan tersebut sedang bergaduh dan bergelut di antara satu sama lain yang mana SP2 sendiri sedang di dalam keadaan
E berlawan dengan SP5, Sakhti Tharam, tiba-tiba kepalanya tersentap ke belakang apabila rantai lehernya ditarik oleh SP5.

[16] Dan, pada masa SP2 tertoleh ke belakang itulah dilihatnya yang tertuduh sedang menetak leher kanan abangnya dengan sebilah parang. Menurutnya lagi,
F setelah sekali ditetak, abangnya terus terjatuh dan tertuduh yang berada di dalam keadaan terkejut telah membuang parang tersebut ke tanah dan terus melarikan diri.

[17] Adalah jelas melalui keterangan yang disampaikan oleh SP2 ini bahawa pihak tertuduh tidak mempunyai sebarang niat atau mens rea untuk menyebabkan
G kematian kepada si mati. Tidak dinafikan bahawa sebab kematian si mati adalah sepertimana berdasarkan kepada laporan bedah siasat (P35) dan keterangan oleh SP10 iaitu kerana satu luka tetakan di sebelah kanan leher yang memanjang dari bahagian belakang leher kanan ke bahagian tengah leher kanan. Ini telah menyebabkan otot leher kanan si mati terpotong, termasuk salur darah 'jugular
H internal' dan juga 'external'. Menurut SP10 lagi, bahagian tulang cervical C3 (tulang tengkuk) si mati pada sebelah kanan juga terdapat kesan tetakan.

[18] Pihak pendakwaan di dalam Penghujahannya telah merujuk kepada takrifan mens rea seperti yang terkandung di bawah s 300(d) di mana dihujahkan yang
I tertuduh mengetahui bahawa perbuatannya itu adalah sangat berbahaya hingga mungkin sekali menyebabkan kematian.

[19] Namun begitu, setelah mengambilkira akan faktor-faktor persekitaran lain yang telah menyumbang kepada terjadinya kejadian yang meragut nyawa si mati ini, mahkamah di dalam hal ini memutuskan adalah sesuatu yang tidak wajar untuk

hanya bergantung kepada takrifan s 300(d) sahaja bagi memutuskan bahawa tertuduh sememangnya berniat atau mempunyai 'mens rea' di dalam melakukan perbuatan tersebut.

[20] Meneliti kepada keterangan saksi-saksi pendakwaan, adalah jelas bahawa semasa pergaduhan berlaku di antara tertuduh dan si mati, si mati sendiri bersenjatakan sebatang pangkal 'joss stick' sepanjang dua kaki yang telah diambil dari Tokong Cina di Jalan Seraya.

[21] Disamping itu, faktor bahawa si mati berserta enam orang rakan-rakannya yang lain termasuk SP2 dan SP4 pergi mencari tertuduh dan rakan-rakannya selepas ia dimaklumkan oleh SP2 akan perkelahian di antara mereka, juga memperlihatkan wujudnya satu perbuatan provokasi yang perlu diambil kira oleh mahkamah di dalam mencapai keputusan di akhir kes pendakwaan ini.

[22] Keterangan yang telah disampaikan oleh SP11 iaitu Pegawai Penyiasat kes juga wajar diberikan perhatian di dalam penentuan faktor provokasi ini wujud. Keterangannya di dalam soal-balas:

> Dalam siasatan saya, terdapat pergaduhan mulut di kedai kopi Ah Moh. Dari siasatan, terdapat pergaduhan antara OKT dengan Vesudaran — adik si mati.
>
> Dan siasatan saya juga, lepas episod kedai kopi, mereka telah beredar ke tokong Cina …Ya, lepas dari tokong Cina itu, kumpulan tokong Cina telah pergi balik cari kumpulan kedai kopi itu … Mereka tidak jumpa OKT di kedai kopi itu … Ya, mereka telah jumpa OKT di kawasan bola keranjang … Ya, satu pergaduhan telah terjadi di gelanggang bola keranjang.
>
> Dari siasatan saya, saya tahu yang OKT juga diserang oleh beberapa orang. Dari siasatan saya, OKT ada dipukul dengan kayu tetapi tak ingat siapa yang pukul … Saya tahu dan siasatan yang OKT ada dipukul dengan topi keledar …
>
> Pergaduhan ini terjadi dalam keadaan kelam-kabut … Ya, dalam siasatan saya OKT ini juga diserang dan dipukul dengan teruk...

[23] Semasa disoal-semula oleh Timbalan Pendakwa Raya, SP11 ini melalui keterangannya mengesahkan yang pergaduhan itu tidak dirancang. Katanya:

> Pergaduhan ini tidak dirancang. Maksud tergempar ialah dua kumpulan dalam ramai-ramai bergaduh. Apa yang saya faham ialah pergaduhan yang tak dirancang, dan terjadi di tempat awam …

[24] Patah perkataan di bawah s 302 Kanun Keseksaan mensyaratkan perkataan mens rea perlu dibuktikan dengan sepenuhnya, iaitu tertuduh mesti dibuktikan mempunyai niat dari asalnya untuk membunuh si mati. Kesalahan tersebut tidak wajar disabitkan seandainya ianya terjadi hasil dari kecuaian, tindakan merbahaya, ataupun hanya mempunyai pengetahuan. Niat itu mesti ujud secara 'direct' dan perlu dibuktikan secara 'beyond reasonable doubt'. Dari apa yang dapat disimpulkan dari keterangan saksi-saksi, sukar untuk dibuktikan akan wujudnya elemen mens rea di pihak tertuduh ini. Seperti keterangan yang disampaikan oleh SP11, pergaduhan

berkumpulan ini berlaku secara tergempar, kelam-kabut serta sama-sama membawa senjata. Elemen provokasi juga jelas terlihat wujud. Dari cabar-mencabar lantas membawa kepada pergaduhan. Manakala dari segi 'actus rea' ianya tak dinafikan ujud. Keterangan dari SP2, SP3 dan SP4 jelas menyatakan bahawa SP2 melihat tertuduh ini menetak abangnya di bahagian leher kanan dengan parang iaitu eksh P13A yang mengakibatkan si mati terus rebah. SP3 juga di dalam keterangannya menyatakan bahawa beliau melihat tertuduh menetak si mati di bahagian leher kanan, lalu si mati jatuh berdekatan dengan tiang lampu. Manakala keterangan SP4 pula mengesahkan yang tertuduhlah orang yang telah menetaknya, melalui 'dying declaration' si mati yang disampaikan kepadanya. 'dying declaration' tersebut tidak dianggap sebagai keterangan dengar cakap berdasarkan kepada keputusan di dalam kes *Chandarasekara (alias Alisandiri) v R* [1936] 3 All 865 yang mana telah diputuskan bahawa:

> The evidence as to signs made in answer to questions put to the deceased was admissible, but statements of witnesses as to what interpretation they put up upon the signs were not admissible.

[25] Membuktikan wujud actus reas di dalam kes-kes seperti ini dengan tanpa membuktikan elemen mens reas adalah jauh dari mencukupi untuk mensabitkan tertuduh di bawah tuduhan membunuh di bawah s 302 Kanun Keseksaan.

[26] Pegawai Penyiasat kes adalah merupakan 'pillars' di dalam sesuatu penyiasatan kes. Sama ada sesuatu kes itu lengkap atau sebaliknya adalah bergantung semata-mata kepada tahap penyiasatan yang telah dilakukan oleh seseorang Pegawai Penyiasat. Mengikut hujahan Timbalan Pendakwa Raya yang menghujahkan bahawa Pegawai Penyiasat kes tiada di tempat kejadian, lantas tidak dapat memberikan keterangan yang benar-benar tepat tentang bagaimana kejadian itu berlaku, mahkamah berpandangan ia adalah sesuatu yang tidak wajar dibangkitkan, ia boleh ditakrifkan seolah-olah Timbalan Pendakwa Raya mencabar akan keterangan saksi sendiri.

[27] Walaupun tidak dinyatakan akan pencabaran sepenuhnya, namun terdapat tahap keterangan dari saksi SP11 ini dipertikaikan, terutamanya tentang senjata dan kumpulan. Di dalam soal ini, setiap apa keterangan yang telah disampaikan oleh saksi sewajarnya dipertahankan oleh pihak pendakwa; dan meneliti akan keterangan SP11 ini, mahkamah tidak melihat akan wujudnya sebarang kecacatan terhadap keterangan yang telah disampaikan oleh saksi tersebut.

[28] Namun demikian, pada masa yang sama elemen niat atau mens rea di pihak tertuduh di dalam menyebabkan kematian kepada si mati ini nampaknya tidak berjaya dibuktikan wujud di pihak tertuduh ini seperti yang telah dihuraikan tadi.

KESIMPULAN

[29] Setelah meneliti dan menimbang akan keterangan kesemua saksi-saksi pendakwaan yang telah diberikan di hadapan mahkamah, meneliti akan ekshibit-ekshibit yang telah dikemukakan sebanyak 41 ekshibit kesemuanya termasuk gambar-gambar di tempat kejadian, ekshibit senjata yang terlibat dan

sebagainya serta mengambilkira akan penghujahan yang disampaikan oleh kedua-dua belah pihak pendakwaan dan juga pembelaan di akhir kes pendakwaan ini, dengan mengguna pakai prinsip 'maximum evaluation', mahkamah dengan ini memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan wujud satu kes prima facie terhadap tertuduh bagi satu pertuduhan di bawah s 302 Kanun Keseksaan sepertimana pertuduhan.

[30] Walau bagaimanapun, setelah meneliti akan segala intipati yang dinyatakan tadi, mahkamah dengan ini berpuashati bahawa satu kes yang prima facie terhadap tertuduh bagi satu pertuduhan di bawah s 304(a) Kanun Keseksaan berjaya dibuktikan oleh pihak Timbalan Pendakwa Raya.

[31] Berdasarkan kepada alasan-alasan yang telah dinyatakan tadi, mahkamah dengan ini memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan suatu kes yang prima facie terhadap tertuduh di bawah pertuduhan asalnya, iaitu suatu pertuduhan di bawah s 302 Kanun Keseksaan. Namun mahkamah memutuskan bahawa suatu kes yang prima facie terhadap tertuduh bagi suatu pertuduhan di bawah s 304(a) Kanun Keseksaan berjaya dibuktikan oleh Timbalan Pendakwa Raya.

[32] Oleh yang demikian, mahkamah dengan ini memerintahkan tuduhan terhadap tertuduh dipinda seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 26 November 2002 jam lebih kurang 9.15 malam, di Gelanggang Bola Jaring Toman Raya, Triang, di dalam Daerah Bera, di Negeri Pahang Darul Makmur, telah menyebabkan kematian salah tidak terjumlah kepada pembunuhan ke atas seorang yang bernama Shanmuganathan a/l Madhavan (KPT: 830826-06-5497), oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 304(a) Kanun Keseksaan.

[33] Pertuduhan pindaan tersebut telah dibacakan kepada pihak tertuduh. Pihak tertuduh telah mengaku salah di atas pertuduhan pindaan itu.

[34] Selepas menimbangkan mitigasi dari segi hukuman, mahkamah telah menjatuhkan hukuman penjara selama tempoh 12 tahun terhadap tertuduh dimulai dari tarikh tertuduh ditangkap.

Tertuduh dihukum penjara 12 tahun terhadap pertuduhan pindaan.

Reported by Sally Kee